

**Komponen BN Juga Boleh Contohi Umno Singkir Anggota Sabotaj Parti -
Hishamuddin
Bernama
8 September, 2012**

SEPANG, 8 Sept (Bernama) -- Parti komponen Barisan Nasional (BN) juga boleh mencontohi Umno dalam mengambil tindakan tegas menyingkirkan mana-mana anggota atau pemimpin yang mensabotaj parti dalam pilihan raya umum.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata pendirian tegas itu penting bagi memastikan setiap anggota dalam BN jujur dan ikhlas serta membolehkan BN terus memerintah negara ini.

"Kalau Umno boleh buat pendirian sebegitu rupa tidak ada sebab parti-parti komponen lain tidak berpegang kepada prinsip yang sama.

"Tapi itu semua bergantung kepada mereka untuk memutuskannya kerana kami tidak boleh membuat keputusan untuk parti lain...tapi saya percaya prinsip dan nilai yang sama diamal parti komponen lain kerana kita tidak mahu ada anggota yang tidak setia," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Sepang, di sini Sabtu.

Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin selepas merasmikan persidangan perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno Bahagian Pagoh, hari ini berkata mana-mana anggota atau pemimpin Umno yang didapati bertindak mensabotaj calon pada pilihan raya umum akan disingkir daripada parti.

Hishammuddin yang menyokong penuh saranan itu, berkata langkah itu amat penting dalam situasi negara akan menghadapi pilihan raya umum ke-13 bagi memastikan tidak ada anggota dalam parti yang bertalam dua muka dan berkompromi dengan parti pembangkang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693181>